



KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA RASMI YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN, TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE PASUKAN PROJEK KHAS 2 DI WISMA HONG, KUCHING

KUCHING, SARAWAK – Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah melaksanakan lawatan kerja rasmi beliau ke pejabat Pasukan Projek Khas 2 (PPK2) di Wisma Hong, Kuching bagi meninjau keadaan pejabat serta kemajuan pelaksanaan projek-projek persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak bawah seliaan JKR Malaysia. PPK2 yang beribu pejabat di Kota Kinabalu, Sabah memiliki beberapa pejabat operasi di sekitar kawasan-kawasan utama kedua-dua negeri tersebut mengikut lokasi strategik dengan tapak projek.

2. Diterajui oleh Pengarah Pembinaan, YBhg. Dato' Ir. Jasmi bin Wahab, dalam sesi pembentangan beliau memaklumkan bahawa PPK2 dengan kekuatan seramai 167 pegawai dan kakitangan kini menyelia sebanyak 122 projek dengan jumlah keseluruhan RM7.38 bilion di Sabah dan Sarawak. Dengan agihan 54 projek di Sarawak dan 68 projek di Sabah, faktor geografi fizikal yang luas banyak mempengaruhi aspek pelaksanaan projek di tapak. Walaupun begitu, jarak dan logistik tidak menghalang beliau dan semua warga PPK2 menggembelng tenaga dalam memastikan pelaksanaan projek pembinaan terkawal dari segi jadual, kualiti dan kos.

3. Bagi lawatan rasmi kali ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya memberikan perhatian khususnya kepada isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh PPK2. Beliau menyatakan penghargaan kepada usaha dan komitmen penuh Pengarah Pembinaan serta seluruh warga kerja tidak kira berada di kawasan bandar atau pedalaman Negeri Sabah atau Sarawak dalam memastikan projek-projek dilaksanakan mengikut pentadbiran kontrak sewajarnya. Selain itu, beliau juga menitikberatkan kebajikan seluruh warga PPK2 dan akan memberikan sokongan melalui Kementerian dari masa ke masa.

4. Secara ringkasnya, setakat 8 April 2026, PPK2 telah menerima enam (6) projek baharu bernilai RM729 juta dengan pecahan satu projek di Sarawak manakala lima (5) projek di Sabah. Pemberian projek-projek ini secara langsung mencerminkan komitmen berterusan daripada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan keseimbangan kemajuan pembangunan dan infrastruktur di kedua-dua negeri ini. Kepercayaan yang diberikan kepada Pengarah Pembinaan PPK2 membuktikan PPK2 selaku agensi teknikal sentiasa kukuh dan relevan.

5. PPK2 turut mencatatkan pencapaian 21 serahan projek berjumlah RM466 juta pada tahun 2025 dan dalam tempoh sukuan pertama tahun 2026 telah menyerahkan sebanyak empat (4) projek berjumlah RM38 juta. Kejayaan ini merupakan hasil kerjasama strategik di kalangan pemegang taruh setiap projek dan sinergi dalam pasukan yang membawa kepada hasil projek yang berkualiti serta capai matlamat.

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya menegaskan dan mengingatkan agar komitmen seperti ini hendaklah diteruskan, tidak bekerja secara silo dan sentiasa mencerminkan nilai Malaysia MADANI dalam perkhidmatan agar projek infrastruktur rakyat dinikmati rakyat sesegera mungkin khususnya di Sabah dan Sarawak.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
9 APRIL 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja